

Nota Panduan: Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0

MAKLUMAT ASAS		
1	Nama Individu / Syarikat	Nama individu seperti dokumen pengenalan diri ATAU Nama syarikat seperti yang didaftarkan di pejabat Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
2	No. Pengenalan Cukai (TIN) / No. Cukai Pendapatan	Untuk ruangan 'No. Pengenalan Cukai (TIN)', isikan TIN di petak yang disediakan. Contoh: TIN adalah IG 10234567080 ATAU Nombor cukai pendapatan syarikat. Contoh: C 250236501
3	No. Rujukan (No. Pendaftaran / No. Pengenalan / No. Pasport didaftar dengan LHDNM)	Isikan nombor MyKad / kad pengenalan baharu / polis / tentera / pasport ATAU Nombor pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.
PELAPORAN PERTAMBAHAN PENDAPATAN		
1	PENDAPATAN PENGGAJIAN	Pendapatan Berkanun Penggajian.
2	PENDAPATAN PERNIAGAAN	<p>Keuntungan yang diperoleh daripada menjalankan perniagaan, perdagangan, pencarian, profesion, pengilangan atau usaha bercorak perdagangan dikenakan cukai.</p> <p>Contoh:</p> <p>Encik Badrol mempunyai 2 jenis perniagaan:</p> <ul style="list-style-type: none">a. Gerai Burger Tarikh perniagaan bermula – 01 Januari 2019b. Ejen Insurans Tarikh perniagaan bermula – 01 Januari 2020 <p>Bagi Tahun Taksiran 2020 hingga 2021, pendapatan perniagaan gerai burger telah dilaporkan ke LHDNM. Manakala pendapatan perniagaan ejen insurans tidak dilaporkan.</p> <p>Encik Badrol ingin menyertai PKPS 2.0 dengan melaporkan pendapatan perniagaan ejen insurans beliau.</p>

Berikut adalah contoh pengiraan pendapatan yang perlu dimasukkan di dalam Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0:

<u>Tahun Taksiran 2020</u>	<u>RM</u>
Pendapatan Perniagaan: Ejen Insurans Komisen kasar jualan polisi insurans untuk tahun 2020	24,000
Tolak: Perbelanjaan dibenarkan Pengiklanan Petrol	(2,500) <u>(1,500)</u>
Pertambahan pendapatan perniagaan 2020	<u>20,000</u>
<u>Tahun Taksiran 2021</u>	<u>RM</u>
Pendapatan Perniagaan: Ejen Insurans Komisen kasar jualan polisi insurans untuk tahun 2021	36,000
Tolak: Perbelanjaan dibenarkan Pengiklanan Petrol	(2,500) <u>(3,500)</u>
Pertambahan pendapatan perniagaan 2021	<u>30,000</u>

Contoh Pengisian Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0:

PELAPORAN PENDAPATAN		
PUNCA PENDAPATAN	TAHUN PENDAPATAN DITERIMA	RM
2. PENDAPATAN PERNIAGAAN		
Pendapatan Perniagaan Ejen Insurans	2020	20,000.00
Pendapatan Perniagaan Ejen Insurans	2021	30,000.00

Penafian: Contoh ini hanya sebagai panduan untuk tujuan pengisian Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0.

3	PENDAPATAN PERKONGSIAN Pembahagian keuntungan / kerugian yang diperoleh daripada menjalankan perniagaan, perdagangan, pencarian, profesion, pengilangan atau usaha bercorak perdagangan dikenakan cukai.
---	--

Penerimaan dari sewaan rumah, rumah kedai, tanah, loji, mesin, perabot dan lain-lain.

Contoh:

Encik Hisyam mempunyai 2 rumah sewa:

- a. Kondominium di Bangi:
 - i. Mula disewakan – 01 Januari 2019
 - ii. Sewa bulanan – RM 1,500
- b. Rumah Teres di Dengkil:
 - i. Mula disewakan – 01 Januari 2020
 - ii. Sewa bulanan – RM 1,000

Bagi Tahun Taksiran 2020 hingga 2021, pendapatan sewa kondominium telah dilaporkan ke LHDNM. Manakala pendapatan sewa rumah teres tidak dilaporkan.

Encik Hisyam ingin menyertai PKPS 2.0 dengan melaporkan pendapatan sewa rumah teres.

Berikut adalah contoh pengiraan pelaporan pertambahan pendapatan sewa, beliau:

<u>Tahun Taksiran 2020</u>	<u>RM</u>
Pendapatan Sewa: Rumah Teres Sewa kasar (RM 1,000 x 12 bulan)	12,000
Tolak: Perbelanjaan dibenarkan Cukai pintu dan taksiran 2020	(500)
Pembaikan paip bocor	<u>(1,500)</u>
Pendapatan Sewa 2020	<u>10,000</u>
 <u>Tahun Taksiran 2021</u>	 <u>RM</u>
Pendapatan Sewa: Rumah Teres Sewa kasar (RM 1,000 x 12 bulan)	12,000
Tolak: Perbelanjaan dibenarkan Cukai pintu dan taksiran 2021	(500)
Pembaikan pendawaian elektrik	<u>(500)</u>
Pendapatan Sewa 2021	<u>11,000</u>

Contoh Pengisian Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0:

PELAPORAN PENDAPATAN		
PUNCA PENDAPATAN	TAHUN PENDAPATAN DITERIMA	RM
4. PENDAPATAN SEWA		
Pendapatan Sewa Rumah Teres	2020	10,000.00
Pendapatan Sewa Rumah Teres	2021	11,000.00

Penafian: Contoh ini hanya sebagai panduan untuk tujuan pengisian Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0.

4 PENDAPATAN SEWA

5	PENDAPATAN FAEDAH	Pendapatan faedah yang diterima oleh individu bermastautin.																
6	PENDAPATAN DISKAUN	Pendapatan daripada urus niaga pendiskaunan yang melibatkan bil perbendaharaan, bil pertukaran atau nota janji hutang.																
7	PENDAPATAN ROYALTI	Penerimaan dari penggunaan hak cipta / paten yang melebihi had pengecualian.																
8	PENDAPATAN PREMIUM	Penerimaan daripada punca premium.																
9	PENDAPATAN PENCEN	Pencen yang diterima dari Malaysia dan dibayar oleh Kerajaan atau daripada skim pencen yang diluluskan kepada seseorang apabila bersara pada umur 55 tahun atau pada umur persaraan wajib di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau persaraan atas sebab keuzuran, adalah dikecualikan cukai. Di mana seseorang mendapat lebih daripada satu pencen, hanya pencen yang tertinggi dikecualikan. Pencen yang lain hendaklah dilaporkan.																
10	PENDAPATAN ANUITI	Jumlah yang ditetapkan mengikut syarat-syarat wasiat atau pelaburan wang yang melayakkan waris atau pelabur menerima bayaran tahunan, sama ada untuk selamalamanya atau sesuatu tempoh.																
11	PENDAPATAN LAIN	Pendapatan lain seperti bayaran sekali sekala untuk penyiaran, syarahan, tulisan atau sebagainya yang terbit daripada usaha / pekerjaan sampingan atau sambilan.																
12	PERBELANJAAN / TUNTUTAN LAIN YANG TERLEBIH TUNTUT / TIDAK DIBENARKAN	<p>Merupakan perbelanjaan / tuntutan lain yang telah dituntut semasa pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi tahun taksiran 2021 dan ke belakang.</p> <p>Contoh: Syarikat BHH Sdn.Bhd. telah menuntut perbelanjaan-perbelanjaan yang dibenarkan untuk pendapatan perniagaannya, seperti berikut bagi Tahun Taksiran 2021:</p> <table style="margin-left: 20px;"> <tr> <td>i. Perbelanjaan sewa kedai</td> <td style="text-align: right;">RM 60,000</td> </tr> <tr> <td>ii. Perbelanjaan petrol</td> <td style="text-align: right;">RM 24,000</td> </tr> </table> <p>Setelah semakan dibuat, didapati perbelanjaan petrol sebanyak RM 4,000 adalah perbelanjaan petrol untuk kegunaan isteri kepada pengarah urusan. Oleh itu perbelanjaan ini adalah perbelanjaan persendirian yang tidak dibenarkan sebagai tolakan daripada pendapatan perniagaan syarikat BHH Sdn.Bhd.</p> <p>Menyedari hal ini, pihak syarikat ingin menyertai program PKPS 2.0 dengan melaporkan pertambahan pendapatan disebabkan perbelanjaan terlebih menuntut / tidak dibenarkan.</p> <p><u>Contoh Pengisian Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0:</u></p> <table border="1" style="margin-left: 20px; border-collapse: collapse; width: 100%;"> <thead> <tr> <th colspan="3" style="text-align: center;">PELAPORAN PENDAPATAN</th> </tr> <tr> <th style="width: 33%;">PUNCA PENDAPATAN</th> <th style="width: 33%;">TAHUN PENDAPATAN DITERIMA</th> <th style="width: 33%;">RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td colspan="3" style="text-align: center;">12. PERBELANJAAN / TUNTUTAN LAIN YANG TERLEBIH TUNTUT / TIDAK DIBENARKAN</td> </tr> <tr> <td>Perbelanjaan petrol</td> <td style="text-align: center;">2021</td> <td style="text-align: right;">4,000.00</td> </tr> </tbody> </table> <p>Penafian: Contoh ini hanya sebagai panduan untuk tujuan pengisian Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0.</p>	i. Perbelanjaan sewa kedai	RM 60,000	ii. Perbelanjaan petrol	RM 24,000	PELAPORAN PENDAPATAN			PUNCA PENDAPATAN	TAHUN PENDAPATAN DITERIMA	RM	12. PERBELANJAAN / TUNTUTAN LAIN YANG TERLEBIH TUNTUT / TIDAK DIBENARKAN			Perbelanjaan petrol	2021	4,000.00
i. Perbelanjaan sewa kedai	RM 60,000																	
ii. Perbelanjaan petrol	RM 24,000																	
PELAPORAN PENDAPATAN																		
PUNCA PENDAPATAN	TAHUN PENDAPATAN DITERIMA	RM																
12. PERBELANJAAN / TUNTUTAN LAIN YANG TERLEBIH TUNTUT / TIDAK DIBENARKAN																		
Perbelanjaan petrol	2021	4,000.00																

13	PELEPASAN / POTONGAN / REBAT YANG TERLEBIH TUNTUT	Merupakan pelepasan / potongan / rebat yang telah dituntut semasa pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi Tahun Taksiran 2021 dan ke belakang.
14	ELAUN MODAL / INSENTIF YANG TERLEBIH TUNTUT	Merupakan elaun modal / insentif yang telah dituntut semasa pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi Tahun Taksiran 2021 dan ke belakang.

AKUAN

Borang Pelaporan Pertambahan Pendapatan PKPS 2.0 yang tidak ditandatangani akan dianggap tidak lengkap dan tidak akan diproses.